

SIMPTOM AWAL HIPERTIROID



Dr. Mohamed Rafi Fezal dan Dr. Ummul Wahy Abdul Hakim
Pakar Penyakit & Ginekologi
Hospital Ummu

Minggu ini, kami akan menyingskap isu kesihatan berkaitan penyakit hipertiroid. Simptom awal hipertiroid mungkin kelenjar tiroid di pangkal leher kelihatan bengkak. Kehilangan berat badan secara tiba-tiba tanpa sebab yang diketahui.

Degupan jantung cepat atau tidak teratur, perubahan mata dan gegaran sedikit di jari tangan. Ini sedikit sebanyak mengganggu tidur dan berasa tidak selesa.

Bagaimana doktor tahu saya mempunyai hipertiroidisme?

Diagnosis boleh disahkan dengan ujian darah yang

mengukur jumlah hormon tiroid dalam darah. Jika ujian darah anda menunjukkan tiroid terlalu aktif, doktor akan membuat imbasan tiroid untuk melihat jika keseluruhan tiroid terjejas (menunjukkan penyakit Graves) atau jika anda mempunyai nodul tiroid atau thyroditis.

Doktor boleh melakukan ujian iodine pengambilan radioaktif untuk mengukur keupayaan tiroid anda untuk mengambil iodine. Pengambilan tinggi iodine bermakna kelenjar tiroid anda menghasilkan terlalu banyak hormon, yang menunjukkan penyakit Graves atau nodul tiroid terlebih aktif.

Pengambilan rendah iodine menunjukkan thyroditis sebagai punca hipertiroid anda. Jika anda mempunyai hipertiroid, bermakna tiroid anda terlalu aktif dan menghasilkan terlalu banyak hormon yang dipanggil tiroksin. Ia boleh mempercepatkan metabolisme anda dengan

ketara dan menyebabkan gejala yang tidak menyenangkan.

Beberapa tanda biasa termasuk:

- Rasa gementar, cemas, atau cepat marah
- Mengalami perubahan mood
- Rasa sangat leih atau lemah
- Peka kepada haba
- Kelenjar tiroid membesar (goiter). Ini boleh membuat pangkal leher anda kelihatan bengkak
- Kehilangan berat badan secara tiba-tiba tanpa sebab yang diketahui
- Denyutan jantung cepat atau tidak teratur atau berdebar-debar
- Peningkatan kekejapan dalam pergerakan usus
- Gegaran di jari atau tangan
- Masalah tidur
- Penipisan kulit
- Perubahan dalam rambut yang menjadikannya halus dan rapuh
- Perubahan dalam kitaran haid anda

Apabila mula mendapat hipertiroid, anda mungkin berasa sangat ber tenaga. Ini

kerana metabolisme anda dipercepatkan. Tetapi lama-kelamaan, peningkatan metabolisme sangat ketara menyebabkan berasa cepat leih.

Selalunya, hipertiroid berkembang perlahan dari masa ke masa, tetapi jika anda menghidap ketuka muda, gejala mungkin datang secara tiba-tiba.

Bagi wanita berumur bawah 40-an, punca hipertiroid paling biasa adalah gangguan sistem imun dikenali sebagai penyakit Graves.

Selain gejala di atas, kira-kira 30 peratus pesakit dengan penyakit Graves mempunyai kesan seperti mata membengkak, terlalu sensitif pada sinaran cahaya, kesakitan atau tekanan dalam mata serta kemerahan atau keradang dalam atau di sekitar mata.

BAGAIMANA HIPERTIROID DIRAWATI?

Terdapat beberapa rawatan untuk hipertiroid. Doktor

akan memilih rawatan sesuai berdasarkan umur, keadaan fizikal, punca hipertiroid dan tahap kejerakan.

- Iodin radioaktif - iodine radioaktif diambil melalui mulut. Ia masuk ke dalam aliran darah dan diserap oleh sel-sel tiroid terlalu aktif.
- Iodin radioaktif

menyebabkan tahap hormon tiroid dalam badan berkurangan. Gejala biasanya reda dalam masa tiga hingga enam bulan.

Aktiviti tiroid rendah kekal (hipotiroidisme) biasanya adalah hasil akhir, tetapi ini boleh dirawat dengan makanan tambahan tiroid.

Walaupun pertimbangan mengenai bahan radioaktif, rawatan ini telah digunakan lebih dari 60 tahun tanpa sebarang masalah. Kebanyakan orang dewasa di Amerika Syarikat (AS) menghidap hipertiroid dirawat dengan iodine radioaktif.

- Ubat antitiroid - ubat merawat hipertiroid menyekat keupayaan tiroid

menghasilkan hormon. Gejala mula bertambah baik antara enam hingga 12 minggu tetapi rawatan akan berlarutan selama sekurang-kurangnya setahun.

- Pembedahan - hipertiroid boleh dirawat dengan pembedahan (dipanggil thyroidectomy) di mana doktor akan membuang sebahagian besar daripada kelenjar tiroid anda. Selepas pembedahan, anda mungkin akan menghidap hipotiroid (penyakit tiroid tidak begitu aktif). Anda mungkin perlu mengambil makanan tambahan hormon tiroid untuk memulihkan tahap hormon supaya kembali normal.

- Penghalang Beta - tidak kira apa kaedah rawatan yang digunakan, doktor anda boleh menetapkan ubat beta blocker untuk mengurangkan kadar denyutan jantung dan mengurangkan gejala berdebar, gementar dan cemas sehingga tahap tiroid anda lebih dekat dengan normal.